

**TITAH UCAPAN
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
RAJA MUDA PERLIS MERANGKAP TUANKU CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
DI SIDANG KETIGA, ISTIADAT KONVOKESYEN KE 6
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
18 SEPTEMBER 2011, DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS**

Bismillahirrahmanirahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, maka dapatlah kita bersama-sama pada hari ini.

Sebagai Canselor, Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian dan menerima ijazah atau diploma masing-masing pada hari ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua hadirin, khususnya para ibu bapa serta penjaga yang amat prihatin dan berkesempatan hadir di Istiadat Konvokesyen bagi meraikan kejayaan anak atau jagaan masing-masing. Sekalung tahniah juga Saya ucapkan di sini kepada semua ibu bapa, penjaga dan seisi keluarga.

Saudara-saudari sekalian,

Saya amat berbangga sekali melihat para graduan yang ada di hadapan Saya berjaya menamatkan pengajian dan akan meninggalkan UniMAP untuk memulakan kerjaya masing-masing. Namun demikian, Saya ingin mengingatkan semua graduan bahawa perjuangan anda semua sebagai graduan belum lagi selesai.

Ilmu dan pengetahuan yang ditimba di UniMAP seharusnya dapat memberi panduan dan jaminan sosial dalam mengharungi kehidupan yang semakin kompetitif. Memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi belum tentu dapat melahirkan graduan yang cukup matang dan bijak untuk menilai persekitaran yang penuh dengan ketidakpastian.

Pengalaman memainkan peranan yang penting. Saya percaya bahawa menerusi pengalaman, kita dapat mentransformasikan pengetahuan kepada kemahiran. Pengalaman, kebijaksanaan dan kemahiran yang merupakan modal intelek akan memudahkan proses menyingkap ketidakpastian di lapangan. Justeru, harta dan modal intelek inilah yang membezakan kelebihan seseorang pelajar berbanding dengan pelajar yang lain. Justeru, Saya menyarankan agar semua graduan hendaklah menimba pengalaman sebanyak mungkin, meningkatkan keupayaan intelek dan memperkasakan kemahiran rohani dan jasmani sebelum menerokai bidang yang akan diceburi.

Hadirin sekalian,

Saya telah dipersembah maklumkan bahawa persoalan tentang kebolehpasaran para graduan atau "*graduate employability*" sedang hangat diperdebatkan dalam kalangan universiti tempatan. Malah isu ini telah dijadikan sebagai petunjuk prestasi utama universiti atau K.P.I. universiti untuk pihak tertentu menilai sama ada sesebuah universiti itu berprestasi tinggi atau sebaliknya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru para graduan supaya berfikir luar daripada kebiasaan kotak minda yang sempit. Saya rasa sudah sampai masanya setiap graduan yang tamat pengajian di universiti hendaklah sanggup berubah, mencabar *status quo*, berfikiran jauh dan terbuka.

Para graduan juga boleh menerokai bidang keusahawanan yang dapat mencetus atau mencipta pekerjaan kepada tenaga buruh separa mahir yang sedia menunggu. Berbekal ilmu di dada dan latihan yang diikuti, para graduan boleh menceburi bidang industri kecil dan sederhana yang berdaya maju dan menawarkan pekerjaan kepada pekerja yang separa terlatih dari institusi-institusi latihan awam atau swasta. Menerusi kaedah ini para graduan dapat menyahut cabaran Kerajaan bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang berilmu dan berpengetahuan tinggi.

Hadirin sekalian,

Akhiri titah, Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan dan ibu bapa. Sebagai alumni UniMAP, janganlah sesekali lupakan UniMAP ini dan kembalilah untuk menabur bakti untuk kemajuan universiti. Jika setiap

graduan memberi sumbangan kecil kepada universiti kita, Saya percaya kita mampu untuk mengangkat martabat dan membawa Universiti ini ke tahap yang lebih gemilang.

Tahniah Saya ucapkan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor dan seluruh pengurusan Universiti yang telah berjaya mengemudi bahtera UniMAP dan meletakkannya di posisi yang terbaik setanding dengan universiti-universiti yang terdahulu daripadanya. Saya berdoa UniMAP akan terus mantap dalam semua bidang selaras dengan lagu Semangat Universiti: "Visi Cemerlang, Gemilang dan Terbilang".

Sebagai Canselor, Saya akan terus memberikan dorongan dan bimbingan agar UniMAP terus gemilang dan tersohor, sebagai sebuah Universiti teknikal berfokus yang kreatif dan inovatif, cemerlang dan berintegriti. Saya dan Raja Puan Muda Perlis

selaku Pro Canselor berdoa, semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan memberkati majlis kita pada hari ini dan memelihara perjalanan para graduan, ibu bapa dan tetamu jemputan sekalian ketika pulang ke destinasi masing-masing. InsyaAllah.

Ramai Orang Membeli Jamu,
Di Bawah Pokok Cuaca Redup,
Bersungguh-Sungguh Mencari Ilmu;
Ilmu Dicari Penyuluh Hidup.

Perahu Kolek Mudik Ke Hulu,
Sarat Muatan Isi Kelapa,
Pengorbanan Bapa Susah Payah Ibu;
Janganlah Graduan Mudah Lupa.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima kasih.